

# Ketegasan bapa raha s kejayaan Solehin

BATU PAHAT 5 Okt. - Didikan tegas bapa yang merupakan anggota polis menjadi pendorong kepada kejayaan Mohd. Solehin Mohd. Nasir sehingga menerima Anugerah Diraja Pingat Jaya Cemerlang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Mohd. Solehin, 24, yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Elek-

trik berkata, bapanya, Mohd. Nasir Hamid Sultan, 50, telah mendidiknya dengan baik termasuk membuatkan jadual belajar untuknya dan dua beradik lain.

"Ayah seorang yang sangat baik tetapi dalam soal pelajaran, dia sangat tegas kerana tidak mahu anak-anaknya lalai dan ketinggalan dalam pelajaran.

"Sebab itulah dari kecil lagi dia sudah membuat jadual belajar termasuklah pada cuti hujung minggu dan amalan tersebut saya gunakan sehinggalah ketika menuntut di universiti," katanya selepas tamat majlis konvokesyen berkenaan di



MOHD. Solehin Mohd. Nasir dan Ng Yee Lin menunjukkan Pingat Jaya Cemerlang sempena majlis Konvokesyen UTHM ke 13 di UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam.

sini hari ini.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang juga merupakan

Canselor UTHM berkenan mencemar duli untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen UTHM Ke-13

yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini.

Yang Ke-13 turut hadir ialah Naib

Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Sebanyak 3,520 orang siswazah akan menerima ijazah dan diploma masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma.

Menurut Mohd. Solehin, beliau yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.79 mengakui mengamalkan pemakanan yang sihat selain mengamalkan makan madu bagi menguatkan badan dan minda.

Sementara itu, seorang lagi penerima anugerah sama, Ng Yee Lin, 24, yang merupakan graduan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) turut melahirkan rasa gembira kerana diberi pengiktirafan tersebut.

Yee Lin yang memperoleh CGPA 3.83 berkata, kerja keras, ulang kaji secara berkumpulan selain sokongan daripada rakan-rakan sekuliah serta keluarga menjadikan asas kejayaannya.

Beliau turut mengakui mengamalkan minum susu dan belajar seawal pukul 5 pagi setiap kali setelah banyak membantunya untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.